



The Observer

01.07.2022

❖ Memahami imbuhan pengarah

Imbuhan pengarah bukan eksekutif adalah topik yang sensitif untuk dibincangkan. Lembaga pengarah dan pemegang saham utama ada kalanya mempunyai idea yang berbeza tentang kewajaran jumlah imbuhan berbanding pemegang saham minoriti.

Terdapat kes yang mana lembaga pengarah dan pemegang saham utama tidak sependapat apabila berhadapan kenaikan imbuhan pengarah yang menyaksikan resolusi kenaikan imbuhan tersebut berjaya dipatahkan oleh pemegang saham utama. Malah kumpulan pemegang saham minoriti tertentu mungkin mempunyai pandangan yang berbeza tentang jumlah imbuhan yang wajar.

Ini adalah kerana topik ini sarat dengan subjektiviti. Usaha dan kerja keras perlu diiktiraf dan tidak ada bezanya dengan usaha dan kerja keras seorang pengarah. Pekerja yang menjalankan tugas dengan jujur haruslah diberikan ganjaran yang setimpal. Tiada siapa pun patut mempertikaikan kelayakan itu.

Suatu perbezaan yang perlu diberikan perhatian ialah peranan pengarah bukan eksekutif dan pengarah eksekutif. Pengarah bukan eksekutif tidak melakukan kerja sepenuh masa seperti pengarah eksekutif. Oleh yang demikian, peningkatan dalam imbuhan pengarah bukan eksekutif selalunya akan mencuri perhatian ramai.

Berlatarkan persekitaran inflasi yang seiring dengan serangan pandemik COVID-19, tidak hairanlah jika semua orang merasai tekanannya. Ramai telah kehilangan pekerjaan atau dipotong gaji dalam jumlah yang besar.

Pada saat-saat begini, kenaikan yuran dan imbuhan secara besar-besaran tanpa alasan yang munasabah akan menimbulkan kemarahan ramai. Ia akan dilihat sebagai tidak empati terhadap penderitaan yang ditanggung oleh pemegang saham minoriti dan pihak berkepentingan lain. Lembaga Pengarah sepatutnya bersikap empati tanpa terlalu bergantung kepada pendapat atau syor daripada fungsi Sumber Manusia dan perunding mereka semata-mata. Lagipun, ini hanyalah pendapat atau cadangan sahaja. Bukankah Lembaga Pengarah lazimnya menggunakan pertimbangan yang baik?

Faktor yang perlu dipertimbangkan

Imbuan pengarah bukan eksekutif perlu selaras dengan parameter yang berada dalam kawalan mereka. Pengarah bukan eksekutif (termasuk lembaga pengarah) dan pihak pengurusan perlu dinilai dari sudut keberkesanan, kecekapan dan setakat mana mereka menguntungkan syarikat berbanding syarikat-syarikat lain dalam sektor yang sama. Ini adalah langkah yang perlu dipertimbangkan sebelum mewajarkan kenaikan imbuan.

Permodalan pasaran hanya mempunyai sedikit kaitan dengan prestasi dan bukanlah asas yang wajar untuk menaikkan imbuan. Antara faktor yang perlu diberikan perhatian ialah keberkesanan, kecekapan serta kawalan kos.

Prestasi keuntungan yang bertambah baik sahaja tidak seharusnya menjadi faktor untuk mewajarkan kenaikan imbuan. Ini adalah kerana ia berpunca daripada dua faktor; satu yang berada dalam kawalan lembaga dan pengurusan dan satu lagi, yang berada di luar kawalan mereka seperti faktor makroekonomi. Contoh yang di luar kawalan ialah lonjakan harga minyak sawit mentah (*crude palm oil*, CPO) bagi syarikat perladangan (sebahagian besarnya disebabkan oleh perang Ukraine-Rusia dan dasar Indonesia untuk mengekang eksport), kenaikan harga jualan purata bagi syarikat sarung tangan (disebabkan oleh permintaan dan penawaran yang tidak sepadan pada kemuncak pandemik COVID-19) dan kenaikan harga cip untuk syarikat semikonduktor (disebabkan oleh kekurangan bekalan cip di peringkat global).

Adalah tidak adil jika lembaga pengarah dan pihak pengurusan mengambil kredit untuk peningkatan keuntungan yang timbul daripada faktor luaran ini kerana kenaikan harga bukanlah disebabkan oleh perbuatan mereka.

Apabila keuntungan meningkat disebabkan oleh faktor di luar kawalan Lembaga Pengarah, mereka tidak seharusnya mengambil kredit. Begitu juga, mereka tidak wajar dipersalahkan apabila prestasi syarikat terjejas akibat halangan yang berada di luar kawalan mereka.

Kenaikan imbuan pengarah haruslah sejajar dengan prestasi mereka dalam hal-hal yang berada dalam kawalan mereka. Bagi penanam kelapa sawit, ini termasuklah faktor produktiviti dan kecekapan ladang/syarikat, contohnya, hasil tandan buah segar (*fresh fruit bunch*, FFB), kadar perahan minyak, penggunaan kilang dan kemajuan penanaman semula.

Jika mereka berada dalam kuartil atas, maka mereka berhak menikmati imbuan seperti syarikat-syarikat lain dalam kuartil atas. Selain itu, aspek seperti pematuhan terhadap Minyak Sawit Lestari Malaysia (*Malaysian Sustainable Palm Oil*, MSPO) dan Meja Bulat mengenai Minyak Sawit Lestari (*Roundtable on Sustainable Palm Oil*, RSPO), serta resolusi Perintah Pelepasan Penahanan (*Withhold Release Order*, WRO) yang dikeluarkan oleh Jabatan Kastam dan Perlindungan Sempadan Amerika Syarikat (*United States Customs and Border Protection*, US CBP) hendaklah menjadi sebahagian daripada Petunjuk Prestasi Utama (*Key Performance Indicator*, KPI) bagi lembaga pengarah dan pihak pengurusan. Begitu juga dengan syarikat sarung tangan dan syarikat semikonduktor.

Lembaga Pengarah juga berperanan menetapkan strategi yang tepat yang telah dirancang bagi memastikan syarikat kekal berdaya saing berbanding syarikat-syarikat lain dalam industri. Ini merangkumi perkara seperti pengaplikasian automasi dan

mekanisasi untuk menangani kekurangan buruh serta persekitaran kerja yang lebih baik. Elemen penting lain yang perlu dipertimbangkan dalam persekitaran perniagaan hari ini ialah penggabungan peluang dan risiko kemampuan material dalam penilaian prestasi Lembaga Pengarah dan pihak pengurusan.

Akhir sekali, firma besar sememangnya lebih kompleks dan rumit, justeru eksekutif dan pengarah mereka berdepan isu dan masalah yang lebih besar. Memandangkan tanggungjawab dan risiko mereka lebih besar, imbuhan mereka mestilah setimpal dengan komitmen dan tanggungjawab para pengarah ini.

Faktor-faktor ini digunakan untuk menilai kedudukan sesebuah syarikat berbanding syarikat-syarikat lain yang serupa dalam sektor tersebut. Jika sesebuah syarikat mendapati dirinya berada dalam kuartil atas berbanding syarikat lain, maka tidak salah jika lembaga pengarah mengharapkan imbuhan seperti syarikat-syarikat lain dalam sektor yang sama.

Imbuhan yang adil dan saksama untuk pengarah

Secara amnya, pemegang saham minoriti tidak membantah kenaikan imbuhan pengarah kerana mereka sedar bahawa setiap kerja keras dan usaha yang berkualiti perlu dibalas dengan harga yang setimpal. Namun, mereka mengharapkan supaya asas yang digunakan untuk menaikkan imbuhan adalah adil dan saksama selain penjelasan tentang pencapaian lembaga pengarah berkenaan yang mewajarkan kenaikan imbuhan tersebut.

Devanesan Evanson
Ketua Pegawai Eksekutif

Tinjauan Mingguan AGM/EGM MSWG untuk tempoh 4 hingga 8 Julai 2022

Berikut adalah AGM/EGM syarikat-syarikat di bawah senarai pemantauan Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti (MSWG) pada minggu ini.

Ringkasan perkara penting disenaraikan di bawah, manakala butiran terperinci soalan yang diajukan kepada syarikat boleh didapati di laman web MSWG di www.mswg.org.my

Tarikh dan Masa	Syarikat	Tinjauan ringkas
04.07.22 (Isnin) 10.30 pagi	Quality Concrete Holdings Berhad (AGM)	QCHB mencatatkan lonjakan dalam keuntungan dengan untung bersih berjumlah RM6.16 juta pada tahun kewangan 2022, yang merupakan prestasi terbaik Kumpulan sejak tahun kewangan 2011. Peningkatan prestasi ini sebahagian besarnya didorong oleh segmen Pembinaan dan Hartanah, manakala segmen Pembuatan kekal rugi dengan kerugian sebelum cukai berjumlah RM2.4 juta.

		Keberuntungan segmen pembuatan membimbangkan pemegang saham kerana bahagian itu telah mengalami kerugian selama bertahun-tahun.
05.07.22 (Selasa) 10.00 pagi	Xin Hwa Holdings Berhad (EGM)	Xin Hwa bercadang untuk mendapatkan persetujuan pemegang saham bagi pengambilalihan Micron Metal Engineering Sdn Bhd serta mempelbagaikan aktiviti perniagaannya dengan menceburi bidang pembuatan bahagian dan komponen pemesinan jitu.
07.07.22 (Khamis) 11.00 pagi	Greenyield Berhad (EGM)	EGM ini bertujuan mendapatkan kelulusan pemegang saham untuk cadangan pemerolehan 65.0% kepentingan ekuiti dalam Greenyield Rubber Holdings (M) Ltd ('GRHM') pada harga RM87.9 juta. Pengambilalihan ini akan dilaksanakan melalui tunai dan terbitan saham Greenyield baharu dan saham keutamaan boleh tukar tidak boleh tebus. Syarikat juga ingin mendapatkan kelulusan pemegang saham untuk cadangan pindaan kepada perlembagaan sedia ada bagi memudahkan penciptaan dan penerbitan saham keutamaan boleh tukar tidak boleh tebus untuk tujuan di atas.
08.07.22 (Jumaat) 02.30 petang	Sarawak Cable Berhad (EGM)	SCB bercadang untuk menerbitkan hutang boleh tukar boleh tebus (<i>redeemable convertible debt</i> , RCD) berjumlah RM19.16 juta dan hutang Islam boleh tukar boleh tebus (RCD-i) berjumlah RM29.98 juta untuk menyelesaikan hutang tertunggak yang berjumlah RM49.14 juta kepada AmBank (M) Bhd dan Bank Muamalat Malaysia Bhd. Syarikat juga bercadang untuk mewujudkan dan melaksanakan skim opsyen saham pekerja (<i>employees' share option scheme</i> , ESOS) kepada pengarah eksekutif dan pekerjanya.

Perkara penting untuk diketengahkan:

Syarikat	Perkara/ Isu untuk Diketengahkan
----------	----------------------------------

Quality Concrete Holdings Berhad (AGM)	<p>QCHB mencatatkan peningkatan yang ketara iaitu kira-kira 50% dalam jumlah pinjaman dan peminjaman daripada RM67.86 juta kepada RM101.74 juta. Peningkatan ketara juga dicatatkan dalam penerimaan jurubank, pinjaman berjangka, pembiayaan invoice dan liabiliti pajakan.</p> <p>a) Mengapakah terdapat peningkatan yang ketara dalam jumlah pinjaman dan peminjaman?</p> <p>b) Kira-kira 77% (RM78.14 juta) daripada pinjaman dan peminjaman akan matang dalam tempoh setahun. Memandangkan syarikat berada dalam kedudukan negatif tunai (-RM42,000) yang dijana daripada aktiviti operasi yang direkodkan pada akhir tahun kewangan 2022, serta nisbah semasa pada 0.97 kali, bagaimanakah QCHB dapat mengurus kecairannya untuk memenuhi liabiliti semasa (termasuk pinjaman dan pinjaman jangka pendek) apabila tiba masa untuk dibayar?</p>
Xin Hwa Holdings Berhad (EGM)	<p>Salah satu risiko kepelbagaian perniagaan yang diketengahkan dalam pekeliling kepada pemegang saham bertarikh 17 Jun 2022 ialah ketersediaan tenaga kerja untuk operasi pembuatan bagi perniagaan pemesinan jitu.</p> <p>a) Sejauh manakah perniagaan pemesinan jitu Micron berintensifkan buruh?</p> <p>b) Adakah terdapat ruang untuk pertambahan automasi bagi operasi Micron yang sedia ada?</p> <p>c) Adakah Micron menghadapi sebarang masalah kekurangan buruh pada masa ini?</p>

PEMANTAUAN KORPORAT MSWG

Devanesan Evanson, Ketua Pegawai Eksekutif, (devanesan@mswg.org.my)
Rita Foo, Ketua, Pemantauan Korporat, (rita.foo@mswg.org.my)
Norhisam Sidek, Pengurus, Pemantauan Korporat, (norhisam@mswg.org.my)
Lee Chee Meng, Pengurus, Pemantauan Korporat, (chee.meng@mswg.org.my)
Elaine Choo Yi Ling, Pengurus, Pemantauan Korporat, (elaine.choo@mswg.org.my)
Lim Cian Yai, Pengurus, Pemantauan Korporat, (cianyai@mswg.org.my)
Ranjit Singh, Pengurus, Pemantauan Korporat, (ranjit.singh@mswg.org.my)
Ooi Beng Hooi, Pengurus, Pemantauan Korporat, (ooi.benghooi@mswg.org.my)
Jackson Tan, Pengurus, Pemantauan Korporat, (jackson@mswg.org.my)

PENDEDAHAN KEPENTINGAN

- *Berkenaan syarikat-syarikat yang dinyatakan, MSWG memiliki jumlah saham minimum dalam semua syarikat yang diliputi dalam surat berita ini.*
-

PENOLAKAN TUNTUTAN

Surat berita ini dan isi kandungannya berserta semua hak-hak berkaitan dengannya termasuk hak cipta dimiliki oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, juga dikenali sebagai Minority Shareholders Watch Group (MSWG).

Isi kandungan dan pendapat yang dinyatakan di dalam surat berita ini adalah berdasarkan maklumat yang diperoleh daripada domain awam dan bertujuan untuk memberikan maklumat umum kepada pengguna dan adalah untuk rujukan sahaja. Usaha terbaik telah dilakukan untuk memastikan maklumat yang terkandung di dalam surat berita ini adalah tepat dan terkini pada tarikh penerbitan. Walau bagaimanapun, MSWG tidak membuat sebarang waranti nyata atau tersirat atas ketepatan atau kelengkapan maklumat dan pendapat yang terkandung di dalam surat berita ini. Tiada maklumat di dalam surat berita ini yang bertujuan atau patut dianggap sebagai syor untuk membeli atau menjual atau jemputan untuk melanggan sekuriti tertentu, pelaburan yang berkaitan atau mana-mana instrumen kewangan.

MSWG perlu diberikan perakuan bagi mana-mana bahagian surat berita ini yang diterbitkan semula.

MSWG tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti atas kebergantungan kepada sebarang maklumat atau komen yang terkandung di dalam surat berita ini atau jika ianya diterbitkan semula oleh pihak ketiga. Semua pembaca atau pelabur dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat perundangan atau nasihat profesional yang lain sebelum mengambil sebarang tindakan berdasarkan surat berita ini.